

# Abu Zarim dakwa penyandang pesaka Datuk Muda Linggi

SEREMBAN, Rabu — Datuk Abu Zarim Haji Mulop berkata beliau tetap diiktiraf sebagai penyandang pesaka Datuk Muda Linggi yang sah di segi aturan adat oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan.

Beliau mengulangi bahawa kerapatan adat yang berlangsung di Sekolah Menengah Linggi Ahad lalu adalah tidak sah kerana ia tidak dihadiri oleh anak-anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut iaitu Pengkalan, Solok dan Hillir.

"Oleh kerana kerapatan itu bercanggah dengan aturan adat, maka keputusan yang diambil oleh anak-anak Waris berkenaan juga tidak sah di segi aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong.

"Saya ingin menegaskan bahawa Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan tetap mengiktiraf saya selaku penyandang pesaka Datuk Muda Linggi yang sah dan dengan itu soal pemecatan saya tidak timbul sama sekali.

"Saya berharap anak-anak Waris Datuk Muda Linggi daripada Tiga Perut memahami perkara ini secara mendalam dan tidak mudah terpengaruh dengan sebarang pujukan atau hasutan golongan tertentu," katanya dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini hari ini.

Waris Nan Tertua Waris Datuk Muda Linggi, Encik Ismail Ambia dalam kenyataan kepada Berita Harian Ahad lalu berkata kira-kira 100 orang anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut yang menghadiri kerapatan di Sekolah Menengah Linggi mencapai kata sepakat untuk memecat Datuk Abu Zarim daripada menyandang pesaka Datuk Muda Linggi.

Beliau memberikan enam sebab pemecatan Datuk Abu Zarim dan antaranya termasuk campurtangan secara langsung penyandang pesaka Datuk Muda Linggi itu dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Datuk Muda Linggi Abu Zarim juga mempertikaikan campurtangan Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan dalam urusan pen-

tadbiran adat di Wilayah Linggi.

Menurutnya penyandang pesaka Datuk Shahbandar Luak Sungai Ujong tidak berhak mencampuri urusan pentadbiran adat di Wilayah Linggi tanpa berbincang terlebih dahulu dengan penyandang pesaka Datuk Muda Linggi.

"Perbuatan Datuk Shahbandar Shahari mencegusikan satu kerapatan adat

di Balak Datuk Shahbandar Kampung Belangan adalah amat dikesalkan. Saya difahamkan bahawa anak-anak Waris Datuk Muda Linggi yang menghadirinya bukan mewakili tiga Perut.

"Sepatutnya Datuk Shahbandar Shahari meneliti terlebih dahulu kesahihan setiap anak Waris Datuk Muda Linggi yang menghadiri kerapatan itu sebelum membuat sebarang rumusan," katanya.